TENG AIK SDN. BHD.

lwn.

GAMA HOLDINGS (M) SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H
[GUAMAN SIVIL NO. 821 TAHUN 1985]
9 FEBRUARI 1995

KONTRAK: *Doktrin kekecewaan - Samada terpakai kepada pajakan berdaftar - Samada hanya terpakai dalam keadaan yang amat terhad - Autoriti common law berhubung pemakaian doktrin kepada pajakan - Samada boleh digunapakai - Kanun Tanah Negara s. 232(1)(c) - Akta Kontrak 1950 s. 57.*

UNDANG-UNDANG TANAH: *Pajakan berdaftar - Samada mewujudkan apa-apa kepentingan dalam tanah - Samada mewujudkan sebarang perletakhakan - Hubungan pemajak dan pemegang pajakan - Samada hanya hubungan kontraktual - Keadaan-keadaan di mana sesuatu pajakan berdaftar dianggap taksah - Kanun Tanah Negara s. 232.*

*[**English** Translation of Catchwords]*

CONTRACT: *Doctrine of frustration - Whether applicable to registered leases - Whether only applicable in limited circumstances - Common law authorities on applicability of doctrine to leases - Whether to be adopted - National Land Code s. 232(1)(c) - Contracts Act 1950 s. 57.*

LAND LAW: *Registered leases - Whether creating any estate in land - Whether creating any vesting right - Relationship between lessor and lessee - Whether contractual in nature - Circumstances where registered leases became void in law - National Land Code s. 232.*

Pada 30 September 1983 pihak-pihak di sini telah memeterai satu perjanjian pajakan, di mana sebuah bangunan empat tingkat milik plaintif (bangunan tersebut) di bandar Seremban telah dipajakkan kepada defendan untuk digunakan sebagai sebuah pasaraya dan pusat membeli belah. Pajakan tersebut telah didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) dan pada 21 Februari 1984 defendan telah mengambil milik bangunan tersebut. Kedua-dua pihak menyedari bahawa untuk menjalankan perniagaan pasaraya bangunan tersebut perlu diubahsuai, dan pengubahsuaian sewajarnya ke atas bangunan tersebut telah dibuat oleh defendan atas perbelanjaan mereka sendiri.

Fakta kes menunjukkan bahawa permohonan defendan untuk mendapatkan lesen bagi perniagaan pasaraya telah ditolak oleh Majlis Perbandaran Seremban (Majlis) oleh kerana, telah menjadi dasar Majlis pada waktu itu untuk tidak mengeluarkan apa-apa lesen bagi perniagaan pasaraya. Penolakan tersebut, yang dibuat oleh Majlis pada 22 Julai 1984, hanya dimaklumkan kepada defendan pada 12 Februari 1988. Fakta juga menunjukkan bahawa dalam bulan Disember 1984, plaintif, selaku tuan punya bangunan, telah menulis kepada Majlis sebanyak dua kali menyatakan bahawa mereka tidak bercadang untuk menggunakan bangunan tersebut sebagai sebuah pasaraya atau pun pusat membeli belah.

Oleh kerana lesen untuk menjalankan perniagaan pasaraya tersebut tidak diperolehi maka pada 9 Jun 1987 defendan telah menyerahbalik pajakan tersebut kepada plaintif. Plaintif menuntut sewa yang tertunggak dan menyatakan bahawa pajakan ini tidak boleh dielakkan oleh defendan oleh kerana tiada alasan untuk mengatakan bahawa bangunan tersebut tidak sesuai untuk dihuni samada secara keseluruhannya atau pun sebahagiannya di bawah s. 232(1)(c) KTN.

Defendan membuat tuntutan balas untuk gantirugi dan memplid doktrin kekecewaan. Menurut defendan disebabkan oleh tindak-tanduk plaintif pelaksanaan pajakan tersebut bagi pihaknya sudah menjadi mustahil atau "frustrated".

Dihadapan yang arif Hakim soal penting yang timbul ialah samada, mengambil kira peruntukan s. 57 Akta Kontrak dan juga s. 227 Kanun Tanah Negara, wujud kekecewaan di sini, dan jika ya, samada pembelaan tersebut terpakai kepada pajakan berdaftar seperti yang dimeterai oleh kedua-dua pihak di sini.

Diputuskan:

[1] Plaintif telah tidak bersikap jujur dan tidak bertindak benar semasa menandatangani perjanjian pajakan itu. Walaupun menjadi tanggungjawab defendan untuk mendapatkan lesen perniagaan pasaraya tersebut, tetapi adalah menjadi tanggungjawab plaintif untuk membantu defendan mencapai hasratnya dengan memaklumkan kepada Majlis setidak-tidaknya bahawa mereka telah memajakkan bangunan tersebut kepada defendan untuk selama 15 tahun untuk kegunaan perniagaan pasaraya.

[2] Plaintif tidak berterus terang dengan defendan bahawa beliau telah menulis surat kepada Majlis mengesahkan bahawa bangunan tersebut tidak akan digunakan sebagai sebuah pasaraya. Dalam suasana sedemikian tidak mungkin defendan akan memperolehi lesen perniagaan pasaraya dan pusat membeli belah oleh kerana tuan punya bangunan sendiri mengesahkan bahawa beliau tidak akan menggunakan bangunan itu untuk sebuah pasaraya.

[3] Melalui surat-suratnya itu plaintif jelas telah merosakkan peluang defendan untuk mendapatkan lesen perniagaan pasaraya tersebut. Surat-surat tersebut telah menjadi penyebab kemungkiran obligasi kontrak di bawah pajakan tersebut. Plaintif dengan itu telah menahan defendan daripada menikmati kemudahan penting yang patut mereka nikmati di bawah pajakan tersebut. Kerananya plaintif tidak boleh menuntut sebarang sewa di bawah pajakan tersebut.

[4] Prinsip undang-undang kontrak boleh diterimapakai secara am kepada pajakan. Dalam kes semasa ini terdapat halangan bagi defendan untuk meneruskan pajakan berkenaan walaupun mereka mahu meneruskannya. Bertentangan dengan dasar Majlis telah membuatkan perjanjian pajakan di sini kecewa dan mustahil dilaksanakan. Defendan dengan itu harus dilepaskan dari melaksanakan perjanjian tersebut

Kes-kes yang dirujuk:

Wigginton & Milner Ltd v. Winster Engineering Ltd, [1978] 1 WLR 1462, 1473 G ***(dirujuk)***
Downie v. Lockwood [1965] VR 257 ***(dibezakan)***
Mona Oil Equipment & Supply Co Ltd v. Rhodesia Railways Ltd [1949] 2 AER 1014 ***(dirujuk)***
Superintendent of Lands and Surveys (4th Div) & Anor v. Hamit bin Matusin & Ors. [1994] 3 MLJ 185 ***(dirujuk)***
Re Vandervell's Trusts (No. 2) White & Ors. V. Vandervell's Trustees Ltd [1974] 3 All ER 205
United Asian Bank Berhad v. Chung Chai Chai @ Chan Eng Kee & 5 Ors [1988] 2 CLJ 253 ***(diikuti)***
Dhruv Dev v. Harmohinder Singh AIR 1968 SC 1024 ***(dirujuk)***
Total Oil Britain Ltd v. Thompson Garages Ltd [1972] I QB 319 ***(dibezakan)***
Progressive Mailing House v. Tabali [1985] ALRJ 373 ***(diikuti)***
Wood Factory Pty Ltd. & Ors v. Kiritos Pty Ltd. [1989] 2 NSWLR 105 ***(diikuti)***
Lim Kim Som v. Sheriffa Taibah bte Abdul Rahman [1994] 1 SLR 393 ***(dirujuk)***
Davis Contractors Ltd v. Farcham [1956] 2 All ER 145 ***(diikuti)***
National Carriers Ltd v. Panalpina (Northern) Ltd [1981] AC 675 ***(diikuti)***
Pioneer Shipping Ltd & Ors. v. BTP Tioxide Ltd The Nema [1981] 2 All ER 1030 ***(dirujuk)***
Joseph Constantine Steamship Line Ltd. v. Imperial Smelting Corporation, Ltd. The Kingswood [1941] 2 All ER 165 ***(dirujuk)***
Chandler Bros. Ltd. v. Boswell [1936] 3 All ER, 179 ***(dirujuk)***

Bank Line, Ltd. v. Arthur Capel & Co. [1918-19] All ER Rep. 504 ***(dirujuk)***
Yong Ung Kai v. Enting [1965] 2 MLJ 98 ***(dirujuk)***
Paal Wilson & Co. A/S v. Partenreederei Hannah Blumenthal [1982] 3 WLR 1149 ***(dicatat)***
Kim Nam Development Sdn. Bhd. v. Khau Daw Yau [19841 1 MLJ 256 ***(dicatat)***
Ram Singh v. Bright Steel Sdn. Bhd. [1988] 3 MLJ 33 ***(dirujuk)***
KPM Khidmat Sdn. Bhd. v. Tey Kim Suie [1994] 2 MLJ 627 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Contracts Act 1950, s. 56(2)
Kanun Tanah Negara 1965, ss. 227, 230, 232(l)(c)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 7
Transfer of Property Act 1882 (India), s. 108(e)

Sumber-sumber lain yang dirujuk:
Chitty, (1989) 26 Edn. para 1673
29 *Halsbury,* 4th Edn. para 128
23 *Halsbury,* Edisi ke 3 perenggan 985
Odgers, Edisi ke 22
AIR Manual, Vol. 34 4th Edn. p. 409
9 *Halsbury,* (Edisi ke 4 1974) perenggan 456

Bagi pihak plaintif - C.V. Das; T/n. Shook Lin & Bok
Bagi pihak defendan - Tejpreet Kaur; T/n. Khoo Heng Choon & Co

PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Kedua-dua buah kes diatas telah disatukan dan saya telah mendengar keterangan dan penghujahan bagi kes GS no: 821 tahun 1985 iaitu mengenai pernyataan tuntutan terpinda bertarikh 15 Februari 1988 dan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas terpinda bertarikh 29 April 1988. Kes ini bertumpu pada suatu perjanjian pajakan bertarikh pada 30 September 1983, dilaksanakan pada 26 Oktober 1983 dan didaftarkan dibawah Kanun Tanah Negara 1965 pada 27 Oktober 1983 diantara plaintif dengan defendan.

Adalah nyata bahawa pajakan tersebut membenarkan Wisma Gan Tam, bangunan 4 tingkat di No. 24, Jalan Tuanku Munawir, Seremban, (bangunan tersebut) digunakan hanya sebagai sebuah pasaraya, pusat membeli-belah, gedung membeli-belah dan pejabat. Fasal 2 (viii) pajakan tersebut berbunyi, "Not to use premises except as supermarket and departmental store, warehouse and office and all purposes ancillary thereto" (lihat AB 39). Dapat diperhatikan daripada keterangan di Mahkamah bahawa PWl mengetahui Sembilan Supermarket adalah subsidiari defendan dan defendan memerlukan bangunan tersebut untuk membesarkan perniagaan Sembilan Supermarket dalam perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah, dan PWl mengetahui bahawa pengurus pusat Sembilan Supermarket memerlukan premis baru untuk maksud tersebut. Adalah nyata bahawa bangunan tersebut perlu diubahsuai untuk maksud tersebut. Ini ternyata ekoran daripada perbincangan dengan Encik Kok, arkitek plaintif. Surat menyurat diantara pihak plaintif dan defendan berserta dengan pelan-pelan yang dikemukakan dalam kes ini semasa perbicaraan menyokong hakikat bahawa bangunan tersebut hendaklah digunakan semata-mata sebagai sebuah pasaraya dan pusat membeli-belah. Surat menyurat dan pelan-pelan itu adalah ditandakan sebagai ekshibit P2, P3, AB2, AB4, AB6, P7 dan P8.

Daripada surat menyurat dan pelan diatas dapat dirumuskan disini bahawa bangunan tersebut telah diubahsuai menjadikan ia sebagai satu bangunan dan lagi satu tangga baru telah dibuat bersesuaian dengan perjalanan perniagaan sebuah pasaraya (lihat Ex P7 Pelan 111/85). Perkara ini diakui oleh plaintif dalam perenggan (9) pernyataan tuntutannya yang berbunyi, "By the

terms of the memorandum of lease the defendants undertook to pay to the plaintiffs the sum of RM10,000 towards the cost of altering the entrance and stairs of the said premises. The plaintiffs have altered the entrance to the stairs as agreed but..." Menurut PW2 dalam tahun 1984 belum ada lesen pasaraya dikeluarkan lagi; apa yang ada ialah setiap urusan jualan pada masa itu memerlukan satu lesen berasingan. Perkara ini diakui sendiri oleh PW1.

Pihak plaintif telah menghujahkan bahawa tidaklah berapa tepat bagi si defendan memplidkan terma nyata dalam pembelaannya kerana adalah menjadi satu prinsip asas bahawa sesuatu pajakan hendaklah dibaca secara keseluruhannya. Pihak plaintif telah menyandarkan hujahnya itu kepada kes *Wigginton & Milner Ltd v. Winster Engineering Ltd*, [1978] 1 WLR 1462, 1473 G. Dapat diperhatikan bahawa kes itu tidak membantu pihak plaintif oleh kerana kes itu adalah mengenai apa yang sepatutnya mesti dianggap untuk mengetahui apakah rupabentuk sebenar sesebuah harta itu dimana dikatakan bahawa adalah tidak jelas rupabentuk harta yang akan bertukar tangan. Dalam kes *Wigginton* ianya ditentukan dengan merujuk kepada sebuah pelan "for the purposes of identification only". (Lihat 29 *Halsbury* 4th Edn. para 128). Kes *Downie v. Lockwood* [1965] VR 257 pula adalah mengenai ketaksahan atau kekaburan dan dalam kes kita tidak terdapat sebarang ketaksahan.

Pihak plaintif pula telah mempertikaikan hakikat bahawa bangunan tersebut adalah untuk digunakan sebagai sebuah pasaraya dan pusat membeli-belah semata-mata. Pihak plaintif telah menghujahkan bahawa hendaklah dibaca dan diteliti pajakan tersebut secara keseluruhannya untuk menentukan apakah sebenarnya yang telah diperjanjikan dalam pajakan tersebut mengenai kegunaan bangunan tersebut. Telah dihujahkan bahawa keperluan memohon izin bertulis plaintif terlebih dahulu bermakna defendan tidak perlu mendapatkan izin tersebut sekiranya bangunan itu dipergunakan sebagai sebuah pasaraya dan kawasan-kawasannya digunakan sebagai tempat-tempat membeli-belah yang berada dalam lengkongan kawasan yang diperlesenkan. Kerananya hujah plaintif lagi sekiranya defendan tidak dapat menjalankan perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah, maka dikatakan bahawa defendan berhak memohon izin bertulis daripada plaintif untuk menyewakan atau menyerahakkan bangunan tersebut kepada pihak-pihak lain dan dalam hal ini "consent shall not be unreasonably withheld" (lihat Fasal 2(x)). Saya berpendapat bahawa hujah itu ada cacatnya. Seperti yang terjelas dalam keterangan bahawa pada tahun 1984 tiada wujud satu lesen khusus untuk perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah. Pada masa itu setiap urusan jualan memerlukan satu lesen berasingan. Ini bermakna setiap penjual barangan tertentu perlu mendapatkan satu lesen berasingan bagi penjualan barangan tersebut. Saya berpendapat fasal 2(x) itu hendaklah dibaca bersama-sama dengan fasal 2(viii). Membaca kedua-dua fasal tersebut bersama-sama dan memandangkan pada masa itu tiada wujud satu lesen dikeluarkan khusus untuk perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah maka adalah jelas bahawa fasal 2(x) juga dimasukkan dalam pajakan tersebut disebabkan lesen-lesen berasingan itu adalah atas nama-nama perniagaan yang berasingan akan tetapi kesemua perniagaan-perniagaan berasingan lesen itu dijalankan bagi maksud (purpose) bersampingan dengan perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah.

Yang sebenarnya dalam tahun 1984 hakikatnya adalah perniagaan-perniagaan berasingan lesen itu adalah perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah oleh kerana tiada lesen dikeluarkan khusus untuk perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah pada masa itu.

Seterusnya pihak plaintif menghujahkan bahawa bukan sahaja bangunan tersebut digunakan sebagai pasaraya dan pusat membeli-belah, ia juga digunakan untuk "warehouse" dan "office". Dengan lain perkataan pihak plaintif mengatakan bahawa kegunaan bangunan itu untuk "warehouse" dan "office" bukanlah sebahagian daripada kegunaannya sebagai pasaraya dan

pusat membeli-belah akan tetapi dihujahkannya digunakan sebagai "warehouse" dan "office" secara berasingan iaitu tidak ada kena mengena dengan perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah. Saya berpendapat hujah itu pun tak kena pada tempatnya. Surat defendan bertarikh 9 April 1983 (AB 4) yang menyatakan, "The instruction on the use of the premises must be extended to allow for use as offices" sudah semestinya bermakna "offices" yang berkaitan dengan perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah. Begitu juga dengan perkataan "warehouse". Adalah nyata dalam keterangan bahawa Chang Cheng Guan (DW2) menegaskan bahawa 'pejabat' bererti 'pejabat kami sendiri untuk pasaraya'. Secara logik dapat diterima akal bahawa sudah tentulah sesuatu perniagaan besar seperti pasaraya dan pusat membeli-belah dimana disini defendan ingin membesarkan perniagaan Sembilan Supermarketnya yang hanya terletak berhampiran dengan bangunan tersebut seperti kata PWl "Sembilan is very near and adjacent to our building" memerlukan sebuah pejabat untuk menguruskan perniagaan yang begitu besar pada masa itu dan gudang (warehouse) untuk menyimpan barang-barang jualan dan pamiran. Saya tidak bersetuju dengan hujah pihak plaintif bahawa sekiranya defendan memerlukan "warehouse" dan "office" berkaitan dengan perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belahnya maka fasal 2(viii) telah mencakupi perkara-perkara tersebut.

Sayugia diingat bahawa pada masa itu iaitu pada tahun 1984 perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah adalah satu perkara baru di Seremban. Ini ternyata bahawa belum ada satu lesen dikeluarkan khusus untuknya. Malahan perniagaan seperti itu adalah "bertentangan dengan dasar Majlis" Perbandaran Seremban (lihat Surat Majlis bertarikh 12 Februari'1988 (AB 93)). Dalam suasana keterangan sedemikian saya berpendapat bahawa "warehouse" dan "offices" itu adalah sebahagian daripada perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah dan termasuk dalam ertikata fasal 2(viii) dibaca bersama-sama dengan fasal 2(x) pajakan itu dan saya memutuskan sedemikian. Perkara ini disokong oleh surat menyurat dan pelan-pelan yang dikemukakan dalam kes ini. Seperti kata Buckley LJ di muka surat 1473 g, "Where a Court is required to decide what property passed under a particular conveyance; it must, have regard to the conveyance as a whole, including **any plan** which forms part of it. It is from the conveyance as a whole the intention must be ascertained". (Lihat *Wigginton & Milner Ltd v. Winster Engineering Ltd.* [1978] 1 WLR 1462). (Penekanan oleh saya)

Pihak defendan telah menghujahkan bahawa plaintif telah mengambil langkah yang aktif untuk mengecewakan perjanjian pajakan tersebut. Telah dihujahkan bahawa plaintif melalui surat-suratnya telah menunjukkan keengganannya melaksanakan perjanjian pajakan itu. Ekoran daripada keengganan itu dikatakan telah berlaku perlanggaran (breach) syarat perjanjian pajakan. Dihujahkan bahawa perlanggaran itu adalah suatu kemungkiran kontrak. Kalau pun kemungkiran itu bukannya satu perlanggaran syarat maka dihujahkan pula bahawa kemungkiran itu telah menular keakar kontrak diantara plaintif dengan defendan atau telah menahan defendan daripada menikmati kemudahan penting yang patut mereka nikmati dibawah pajakan tersebut. Dikatakan juga bahawa penulisan surat-surat tersebut oleh plaintif adalah dibuat dengan sengaja dan dirancangkan. Pihak defendan telah merujuk kepada beberapa surat untuk menyokong pengataannya itu.

Sebelum diputuskan samada pengataan defendan itu benar atau tidak elok rasanya disini kita menengok rentetan peristiwa (sequence of events) yang berlaku dalam kes ini. Perjanjian Pajakan itu telah ditandatangani pada 26 Oktober 1983 dan kemudian telah didaftarkan pada 27 Oktober 1983 di Pejabat Tanah Seremban (lihat AB 35). Adalah jelas bahawa menurut Perjanjian Pajakan tersebut pihak defendan "shall be responsible for obtaining the appropriate licence from the municipal council" untuk menjalankan perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah. (Lihat AB 2). Perkara itu telah ditekankan lagi sekali oleh plaintif kepada defendan dalam surat Peguam plaintif bertarikh 17 Jun 1983 yang diantaranya berbunyi,

"Subject as aforesaid, your clients shall be solely responsible for obtaining the approval of the requisite licence from the appropriate authorities to operate a supermarket/departmental store at the said premises". (Lihat AB 14). Defendan telah membayar wang sejumlah RM99,000 sebagai deposit melalui sepucuk surat bertarikh 2 September 1983. (Lihat AB 26). Selanjutnya dapat diperhatikan disini daripada dokumen-dokumen yang dikemukakan dalam kes ini bahawa surat bertarikh 26 Julai 1984 daripada akitek Majlis Perbandaran Seremban kepada akitek plaintif menyatakan bahawa, "permohonan (lesen untuk pasaraya dan pusat membeli-belah) ditanggohkan sehingga mendapat keputusan Majlis (Mesyuarat Negeri iaitu Kerajaan Negeri) mengenai dasar pembinaan supermarket dalam kawasaan bandar Seremban. (Lihat AB 51D). Dapat diperhatikan disini bahawa sungguhpun Kerajaan Negeri belum membuat sebarang keputusan mengenai dasar pembinaan pasaraya dan pusat membeli-belah, Majlis Perbandaran Seremban melalui Jawatankuasa Perlesenannya pada 22 Julai 1984 telah pun menolak permohonan defendan untuk mendapatkan lesen perniagaan untuk pasaraya dan pusat membeli-belah melalui satu borang bertarikh 6 Mac 1984 dan perkara ini hanya dimaklumkan kepada defendan oleh Jawatankuasa Perlesenan tersebut dalam suratnya bertarikh 12 Februari 1988 yang antara lainnya berbunyi, "Permohonan ini telah dibentangkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Perlesenan Majlis (Perbandaran Seremban) yang bersidang pada 22 Julai 1984. Jawatankuasa telah menolak permohonan tersebut atas alasan ianya bertentangan dengan dasar Majlis (Perbandaran Seremban)." Sayugia diperhatikan juga bahawa pada masa itu Sijil Layak Menduduki (Certificate of Fitness) bagi bangunan tersebut masih belum lagi dikeluarkan (lihat AB 93). Dalam surat yang sama juga iaitu surat bertarikh 12 Februari 1988, dimaklumkan juga bahawa, "Saya mengesahkan bahawa Teng Aik Sdn. Bhd. ada menulis surat ke pentadbiran ini menyatakan bahawa pihaknya telah menulis kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Seremban mengesahkan bahawa syarikat tersebut tidak akan menggunakan bangunan itu untuk sebuah supermarket. Salinan surat tersebut yang bertarikh pada 20 Disember 1984 disertakan".

Saya berhenti sebentar disini untuk menunjukkan bahawa permohonan defendan untuk mendapatkan lesen perniagaan bagi pasaraya dan pusat membeli-belah itu hanya dimaklumkan kepada defendan pada 12 Februari 1988, sungguh pun keputusan menolak permohonan defendan itu telah dibuat oleh Majlis (Perbandaran Seremban) pada mesyuaratnya bertarikh 22 Julai 1984. Jadinya sehingga surat pemberitahuan menghuraikan mengapa permohonan defendan ditolak (ditulis dan disampaikan kepada defendan pada 12 Februari 1988) adalah nyata bahawa defendan masih mengharapkan bahawa permohonan lesennya mendapat layanan yang memuaskan. Dalam keadaan itu maka adalah penting disini untuk meneliti surat-surat yang ditulis oleh plaintif sebelum 12 Februari 1988. Surat-surat itu adalah seperti berikut:

1. Pada 18 Mac 1984 plaintif menulis kepada Majlis (AB 48A) mengenai pelan baru serta bertanyakan CFO.

2. Pada 23 April 1984 Peguamcara plaintif menulis kepada Peguamcara defendan (AB 51) menyatakan CFO diperolehi selepas "sub-station" dibina siap.

3. Pada 26 Julai 1984 surat daripada Majlis Perbandaran Seremban kepada akitek plaintif memaklumkan bahawa keputusan berkaitan dengan pindaan pelan ditanggohkan sehingga Kerajaan Negeri membuat keputusan mengenai polisi pasaraya (AB 51D).

4. Pada 30 Julai 1984 surat daripada akitek plaintif kepada Majlis Perbandaran Seremban sebagai balasan kepada AB 51D. Pelan yang dikemukakan adalah untuk rumah kedai dan bukan untuk pasaraya.

5. Pada 31 Julai 1984 plaintif menulis kepada Majlis (AB 51F) menyatakan bahawa beliau bukanlah dalam perniagaan pasaraya tetapi untuk pelaburan dan premis adalah untuk disewa.

6. Pada 11 September 1984 surat Majlis kepada Heng Min San dari Sembilan Supermarket (AB 54) menyatakan bahawa permohonan untuk lesen perniagaan ditolak kerana ia bertentangan dengan polisi Majlis, (Perbandaran Seremban).

7. Pada 15 September 1984 plaintif menulis surat kepada defendan (AB 54A) memberitahu bahawa kelambatan mengenai sijil penghunian bukanlah didalam penguasaannya.

8. Pada 31 Oktober 1984 plaintif menulis surat kepada Majlis (AB 55A) memberitahu Majlis bahawa pembentungan telah pun siap dan berharap bahawa pelan-pelan yang dipinda akan diluluskan.

9. Pada 13 Disember 1984 En. Gan menulis surat kepada Menteri Besar (AB 56) memberitahunya bahawa plaintif tidak akan menggunakan premis tersebut sebagai pasaraya tetapi sebagai pelaburan.

10. Pada 20 Disember 1984 En. Gan menulis surat kepada Majlis (AB 57) sekali lagi menyatakan bahawa plaintif tidak akan menggunakan premis tersebut sebagai pasaraya.

11. Pada 22 Disember 1984 Majlis menulis surat kepada plaintif (AB 57A) menyatakan bahawa permohonan sijil penghunian tidak dapat dipertimbangkan dan pindaan-pindaan pelan ditolak. Pada 7 November 1984 Majlis mengarahkan plaintif merujuk kepada pelan asalnya.

12. Pada 4 Mei 1985 sijil penghunian dikeluarkan mengikut pelan 141/84 dan 111/85 (AB 58 Ekshibit P8). Pelan 141/84 tidak dikemukakan.

Satu perkara penting yang patut diambilkira disini ialah pemberitahuan Majlis bahawa Majlis mengesahkan bahawa plaintif ada menulis surat kepada Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Seremban mengesahkan bahawa plaintif tidak akan menggunakan bangunan itu untuk sebuah supermarket iaitu pasaraya. Surat itu bertarikh 20 Disember 1984. Perlu diperhatikan bahawa Perjanjian Pajakan telah ditandatangani pada 26 Oktober 1983 dan didaftarkan pada 27 Oktober 1983. Jadinya jelas disini bahawa plaintif telah tidak bersikap jujur dan bertindak benar semasa menandatangani perjanjian pajakan itu. Benar bahawa mendapatkan lesen perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah adalah tanggungjawab defendan; akan tetapi plaintif tidak berterus-terang dengan defendan bahawa beliau telah menulis surat kepada Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Seremban mengesahkan bahawa plaintif tidak akan menggunakan bangunan itu untuk sebuah pasaraya (supermarket).

Dalam suasana sedemikian bagaimanakah defendan boleh mendapatkan lesen perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah sedangkan tuan punya bangunan sendiri mengesahkan bahawa beliau tidak akan menggunakan bangunan itu untuk sebuah pasaraya?

Dapat diperhatikan bahawa sungguhpun dalam keperihalan surat-surat itu ditulis adalah benar dari segi faktanya hakikatnya ialah bahawa plaintif mempunyai pengetahuan bahawa defendan memerlukan pengubahsuaian bangunan tersebut untuk digunakan bagi perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah. Hujah pihak plaintif bahawa terdapat kekeliruan (confusion) berkaitan dengan kegunaan bangunan tersebut dan pengeluaran sijil kelayakan menduduki tidak berasas oleh kerana sesebuah bangunan didirikan menurut spesifikasi yang diluluskan. Dalam hal ini pihak plaintif mengetahui bahawa bangunan tersebut memerlukan pengubahsuaian bagi kegunaan perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah. Adalah benar bahawa pengeluaran sijil kelayakan menduduki dan lesen perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah adalah

dua perkara berasingan seperti yang dimaklumkan oleh Majlis. Adalah benar bahawa plaintif bukannya dalam perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah. Sepatutnya plaintif memberitahu Majlis bahawa mereka telah memajakkan bangunan mereka kepada defendan bagi kegunaan pasaraya dan pusat membeli-belah. Plaintif sepatutnya bekerjasama dengan defendan untuk membolehkan defendan mencapai hasratnya untuk berniaga pasaraya dan pusat membeli-belah.

> The Court will readily imply a term in any contract that the parties shall cooperate to ensure the performance of their bargain". Thus "where it applies that both parties have agreed that something shall be done which cannot effectively be done unless both concur in doing it, the construction of the contract is that each agrees to do all that is necessary to be done on his part for the carrying out of the thing, though there may be no express words to that effect".

(Lihat Chitty para 911).

Saya berpendapat bahawa adalah tanggungjawab plaintif untuk membantu defendan mencapai hasratnya dengan memaklumkan kepada Majlis melalui surat-suratnya kepada Majlis setidak-tidaknya bahawa mereka telah memajakkan bangunan tersebut kepada defendan selama 15 tahun untuk kegunaan perniagaan pasaraya dan pusat membeli-belah dan bangunan tersebut sedang mengalami pengubahsuaian untuk maksud itu. Sayugia diingat semasa surat-menyurat di antara plaintif dan Majlis mengenai sijil layak menduduki, defendan belum lagi diberitahu bahawa permohonan lesennya telah ditolak dalam mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan Majlis pada 22 Julai 1984. Defendan hanya mengetahui perkara ini secara rasmi apabila Jawatankuasa Perlesenan Majlis Perbandaran Seremban memaklumkan kepada defendan dalam suratnya kepada defendan bertarikh pada 12 Februari 1988.

Majlis telah menolak rayuan defendan memohon lesen perniagaan. Dalam suratnya bertarikh 17 Jun 1985 Majlis memaklumkan, bahawa "Keputusan menolak permohonan lesen adalah dilakukan oleh Majlis sejajar dengan dasar yang dipakai oleh Majlis iaitu tidak menggalakkan pertumbuhan pasaraya di pusat bandar Seremban yang boleh menimbulkan masalah lalulintas dan juga membunuh peniaga kecil (lihat AB 64). Adalah benar bahawa penolakan itu bersandarkan dasar Majlis akan tetapi saya berpandangan bahawa plaintif sepatutnya tidak mengerohkan keadaan dengan tidak memaklumkan kepada Majlis keadaan yang sebenarnya seperti yang telah saya sentuh diatas. Saya berpendapat pihak plaintif cuba berselindung disebalik hakikat bahawa penolakan tersebut adalah bersandarkan semata-mata dasar Majlis dan tidak ada kena mengena dengan surat-surat yang ditulisnya kepada Majlis sebelum itu. Persoalannya disini adakah plaintif telah bertindak dengan terus terang dan jujur. Saya berpendapat tidak. Saya mendapati bahawa kerjasama inilah yang tiada disini. Sekurang-kurangnya dengan berterus terang dengan Majlis plaintif setidak-tidaknya dapat membantu defendan mencapai hasratnya dengan lebih teratur lagi. Seperti hujah Peguam plaintif sendiri bahawa kerjasama itu "depends very much on the dealings between the parties (and) the law does not impose such a dealing (to cooperate) in abstract". Beliau telah memetik kes *Mona Oil Equipment & Supply Co Ltd v. Rhodesia Railways Ltd* [1949] 2 AER 1014 at 1018: di mana Devlin J (as he then was) said:

> It is, no doubt, true that every business contract depends for its smooth working on cooperation, but in the ordinary business contract, and apart, of course from express terms, the law can enforce cooperation only in a limited degree to the extent that is necessary to make the contract workable. For any higher degree of cooperation the parties must rely on the desire that both of them usually have that the business should get done.

Saya berpendapat plaintif sepatutnya berurusan dengan Majlis melalui surat menyurat itu dengan berterus terang "to make the contract workable". Di sini saya berpendapat plaintif gagal berbuat demikian.

Dapat diperhatikan di sini bahawa pihak plaintif tidak ada mengemukakan sebarang keterangan baik melalui saksi-saksi atau sebaliknya yang menyatakan bahawa surat-surat yang ditulis olehnya (plaintif) kepada Majlis Perbandaran Seremban tidak merosakkan peluang defendan untuk mendapatkan lesen pasaraya dan pusat membeli-belah atau tidak menghalang pihak defendan daripada menikmati kemudahan-kemudahan penting yang patut dinikmati oleh defendan dibawah pajakan tersebut.

Dengan alasan di atas saya memutuskan bahawa plaintif telah menahan defendan daripda menikmati kemudahan penting yang patut mereka nikmati dibawah pajakan tersebut. Saya memutuskan bahawa surat-surat yang ditulis oleh plaintif itu telah menjadi penyebab kemungkiran obligasi kontrak dibawah pajakan tersebut. Kerananya plaintif tidak boleh menuntut sebarang sewa dibawah pajakan tersebut.

Pihak plaintif telah menghujahkan empat isu iaitu bahawa, "the lease is a conditional contract, alleged failure of condition precedent, alleged failure of consideration and that it is a case of anticipatory breach" akan tetapi keempat-empat isu tersebut telah tidak diplidkan dan dengan demikian isu-isu tersebut hendaklah jangan dihiraukan. Isu-isu tersebut adalah isu undang-undang dan menurut A. 18 k. 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, fakta, bukannya keterangan yang hendak dirayui. *Odgers* Edisi ke 22 menyatakan, "Every pleading must state facts and not law" (lihat muka surat 94). "A legal result or conclusion of law on facts proved before a Court is generally not pleaded, but only material facts which would lead to such a result or conclusion". Lihat *Superintendent of Lands and Surveys (4th Div) & Anor v. Hamit bin Matusin & Ors.* [1994] 3 MLJ 185 at 189 SC). Dalam kes *Re Vandervell's Trusts (No. 2) White & Ors. V. Vandervell's Trustees Ltd* [1974] 3 All ER 205 at 213 CA telah disebut mengenai pliding bahawa:

> Counsel for the executors stressed that the points taken by Counsel for the trustee company were not covered by the pleadings". He said time and again: "This way of putting the case was not pleaded:" No such trust pleaded". And so forth. The more he argued, the more technical he became. I began to think we were back in the bad old days before the Common Law Procedure Acts, when pleadings had to state the legal result; and a case could be lost by the omission of a single averment (see Bullen & Leake). All that has been long swept away. It is sufficient for the pleader to state the material facts. He need not state the legal result. If, for convenience, he does so, he is not bound by, or, limited to, what he has stated. He can present, in' argument any legal consequence of which the facts permit. The pleadings in this case contained all the material facts.

Dalam kes kita juga semua fakta material telah diplidkan. Kerananya saya menolak hujah pihak plaintif itu.

Melalui perenggan 7 pernyataan pembelaannya defendan telah memplidkan bahawa penyewaan (tenancy) dibawah perjanjian pajakan itu belum bermula lagi; oleh itu defendan tidak berkewajipan untuk membayar apa-apa sewa.

Biarlah pada permulaannya saya menyatakan di sini bahawa pembelaan itu tidak ada alasan dan menolaknya disini. Dapat diperhatikan bahawa melalui fasal 1 Perjanjian Pajakan (lihat AB 37) pajakan itu bermula pada 1 Januari 1984 atau setelah tamatnya dua bulan dari tarikh pengeluaran sijil kelayakan menduduki yang mana satu lebeh terkemudian. Sesalinan sijil kelayakan menduduki telah diserahkan kepada Peguamcara defendan melalui surat bertarikh 6 Mei 1955 (lihat AB 58). Surat tersebut menyatakan, "the tenancy shall commence within two months from the date thereof". Peguamcara plaintif telah menulis surat (lihat AB 60) meminta pengesahan bahawa, "the rental of RM33,000 per month to be paid w.e.f. 4 July 1985 i.e. 2 months from the date of issue of the Certificate of Fitness for Occupation".

Peguamcara defendan telah menjawab (lihat AB 60A) bahawa, "We .... are instructed to inform you that the confirmation requested by your clients is misplaced and unnecessary as all the duties and liabilities of both parties will flow from the lease agreement dated 26 October 1983". Dalam suasana sedemikian, adalah tidak teratur bagi defendan membuat penegasan bahawa pajakan itu tidak pernah berkuatkuasa. Dapat diperhatikan bahawa kunci-kunci bagi bangunan tersebut telah diserahkan kepada wakil defendan pada 21 Februari 1984 (lihat AB 47A). Menurut Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) berkaitan dengan pajakan berdaftar, soal milikan tidak relevan sama ada pajakan itu telah berkuatkuasa. Dalam kes ini pajakan telah didaftarkan 27 Oktober 1983.

Mengenai kesan pajakan dan sewaan s. 227 KTN memperuntukkan:

> 1. Kepentingan mana-mana pemegang pajakan, pemegang pajakan kecil atau penyewa hendaklah terletak hak kepadanya, samada ianya berkuatkuasa ketika memegang atau tidak, ketika pendaftaran pajakan atau pajakan kecil atau pemberian sewaan itu dibuat, mengikut mana-mana yang sesuai.
>
> 2. Kepentingan tersebut hendaklah termasuk faedah semasa kepentingan berdaftar yang dinikmati pada ketika itu bersekali dengan tanah ianya berkaitan.

Berkaitan dengan perjanjian yang disiratkan dalam semua pajakan dan pajakan kecil, s. 230 KTN memperuntukkan:

> Dalam tiap-tiap pajakan atau pajakan kecil yang diberi dibawah Bab 1 hendaklah disiratkan pada pihak pemegang pajakan atau pemegang pajakan kecil itu satu perjanjian bahawa ia akan membayar cukai sewa yang dikenakan pada masa-masa dan dalam cara yang ditetapkan didalamnya dan akan mematuhi dan melaksanakan dengan sempurna semua syarat sama ada nyata atau tersirat, yang tanah itu tertakluk.

Jadinya adalah nyata bahawa pajakan itu telah berkuatkuasa dan kelakuan defendan selepas pajakan itu didaftarkan apabila pemohonannya untuk lesen perniagaan ditolak menunjukkan bahawa defendan telah menganggap dirinya sebagai memiliki dan menduduki bangunan tersebut selari dengan peruntukan dalam perjanjian pajakan itu. Surat defendan bertarikh 18 Disember 1986 (lihat AB 81) yang cuba memperkenalkan penyewa alternatif adalah untuk mengurangkan sebarang gantirugi terhadapnya. Tambahan pula penyerahan semula pajakan itu telah dilakukan secara formal (Lihat AB 77 dan menurut peraturan KTN. AB 91).

Melalui perenggan 7A dalam pernyataan pembelaannya defendan telah memplidkan bahawa "the performance of the said lease became without any fault on the part of the defendan impossible and the said lease was frustrated". Plaintif menghujahkan bahawa pembelaan yang tersebut diatas tidak terbuka kepada defendan dengan alasan bahawa doktrin common law mengenai kekecewaan (frustration) tidak terpakai kepada pajakan berdaftar di Malaysia menurut s. 57(2) Akta Kontrak 1950 dan s. 227 KTN dan seterusnya plaintif menghujahkan jika sekalipun terpakai, berdasarkan fakta kes ini tidak wujud pengecewaan pajakan tersebut. Adalah dihujahkan oleh pihak defendan bahawa sesuatu pajakan adalah sebuah kontrak sahaja di Malaysia. Kerananya konsep common law mengenai pajakan tidak boleh digunakan dibawah KTN. Pajakan disini adalah sebuah kontrak biasa sahaja. Dalam kes *United Asian Bank Berhad v. Chung Chai Chai @ Chan Eng Kee & 5 Ors* [1988] 2 CLJ 253 telah diputuskan bahawa doktrin "frustration" diterimapakai disitu dimana "the requirement of a sub-station was a supervening event which could be regarded as so fundamental as to strike at the root of the agreement and bring about a significant change in the obligation of the Plaintiff from what they contracted for..... Dalam kes kita adalah dihujahkan bahawa dasar Majlis tersebut adalah satu kes "supervening illegality".

Sementara itu pihak plaintif telah seterusnya mengatakan bahawa doktrin Inggeris mengenai pengecewaan tidak terpakai kepada pajakan-pajakan di mana pindahmiliknya telah disempurnakan. Ini adalah keputusan Mahkamah Agong India dalam kes *Dhruv Dev v. Harmohinder Singh* AIR 1968 SC 1024 berdasarkan pertimbangan s. 56(2) Contract Act dan s. 108 Transfer of Property Act mereka. Mahkamah tersebut telah memperkatakan s. 56(2) (bersamaan dengan s. 57(2) kita) dulu dengan memberikan pandangan berikut:

> Section 56 of the Contract Act lays down a positive rule relating to frustration of contracts and the Courts cannot travel outside the terms of that section. The view expressed by the *East Punjab High Court in Parshotam Das Shanker Das v. Municipal Committee*, Batala, AIR 1949 EP 301 that s. 56 of the Contract Act is not exhaustive of the law relating to frustration of contracts in India must be deemed not to be good law to that extent ... By its express terms s. 56 of the Contract Act does not apply to cases in which there is a completed transfer. The second paragraph of s. 56 which is the only paragraph material to cases of this nature has a limited application to covenants under a lease. A covenant under a lease to do an act which after the contract is made becomes impossible or by reason of some event which the promisor could not prevent, unlawful, becomes void when the act becomes impossible or unlawful. But on that account the transfer of property resulting from the lease granted by the lessor to the lessee is not declared void.

Dimuka surat 1027 Mahkamah tersebut seterusnya memberi pandangan:

> Under a lease of land there is a transfer of right to enjoy that land. If any material part of the property be wholly destroyed or rendered substantially and permanently unfit for the purpose for which it was let out, because of fire, tempest, flood, violence of an army or a mob, or other irresistible force, the lease may at the option of the lessee, be avoided. This rule is incorporated in s. 108 (e) of the Transfer of Property Act and applies to leases of land, to which the Transfer of Property Act applies, and the principle thereof to agricultural leases and to leases in areas where the Transfer of Property Act is not extended. Where the property leased is not destroyed or substantially and permanently unfit, the lessee cannot avoid the lease because he does not or is unable to use the land for purposes for which it is let to him.

Jadinya hujah pihak plaintif lagi bahawa peruntukan s. 108(e) India mempunyai kesan yang serupa dengan s. 232(l)(c) KTN kita dimana telah dibentangkan keadaan-keadaan bilamana sesuatu pajakan berdaftar boleh dianggap tak sah dan boleh ditamatkan. Keadaan itu adalah:

> bahawa, jika pada bila-bila masa dalam masa berterusnya tempuh yang diberi olehnya harta pajakan itu atau mana-mana bahagian darinya adalah disifatkan tidak sesuai untuk dihuni atau digunakan seluruhnya atau sebahagiannya oleh apa-apa kejadian yang tidak disebabkan oleh kecuaian pemegang pajakan itu, pekerja atau agennya, atau setiap yang menuntut melalui atau dibawahnya secara sah
>
> l. cukaisewa yang dikenakan olehnya, atau satu bahagian yang patut menurut jenis dan keluasan kerosakan yang dialami hendaklah terhenti dari kena dibayar sehingga harta itu atau bahagiannya telah disifatkan sesuai untuk dihuni atau diguna, dan
>
> 2. Jika harta itu atau sebahagiannya tidak disifatkan sesuai untuk dihuni atau diguna dalam masa enam bulan, pemegang pajakan bolehlah menghentikan pajakan itu dengan memberi notis sebulan secara bertulis (lihat s. 232 (1) (c) KTN)

Peruntukan India yang serupa dengan seksyen-seksyen tersebut diatas ialah s. 108 Transfer of Property Act 1882 yang berbunyi:

> In the absence of a contract or local usage to the contrary, the lessor and the lessee of immoveable property, as against one another, respectively, possess the rights and are subject to the liabilities mentioned in the rules next following or such of them as are applicable to the property leased:

(a) the lessor is bound to disclose to the lessee any material defect in the property, with reference to its intended use, of which the former is and the latter is not aware, and which the latter could not with ordinary care discover;

(b) the lessor is bound on the lessee's request to put him in possession of the property;

(c) the lessor shall be deemed to contract with the lessee that, if the latter pays the rent reserved by the lease and performs the contracts binding on the lessee, he may hold the property during the time limited by the lease without interruption;

(d) if during the continuance of the lease any accession is made to the property, such accession (subject to the law relating to alluvion for the time being in force) shall be deemed to be comprised in the lease;

